

NAKBAH PALESTIN

26 MEI 2023 | 06 ZULKAEDAH 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Mimbar hari ini bersungguh-sungguh ingin mengajak hadirin sekalian memperingati satu peristiwa, satu malapetaka yang dahsyat menimpa umat Islam. Malapetaka itu adalah peristiwa yang dinamakan

NAKBAH iaitu kejatuhan Palestin ke tangan Zionis Israel yang menyebabkan ramai rakyat Palestin telah diusir keluar dari negara mereka. Peristiwa ini berlaku pada 15 Mei 1948, sejak 75 tahun lalu yang telah menghilangkan nilai jati diri umat Islam.

Tragedi ini bukan sahaja dirancang oleh Pertubuhan Zionis Antarabangsa bahkan mendapat kelulusan rasmi dari kuasa-kuasa Barat dan penaja kepada PBB iaitu British dan Amerika Syarikat. Tragedi tersebut menyaksikan 800,000 rakyat Palestin diusir dari rumah-rumah dan tanah air mereka dan duduk di khemah-khemah pelarian sehingga hari ini. Jumlah mereka kini sudah melebihi jutaan orang dan mereka tidak mendapat sebarang pembelaan yang sempurna termasuklah daripada negara-negara umat Islam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Pengusiran rakyat Palestin dari tanah air mereka, sebenarnya setanding dengan membunuh dan menumpahkan darah mereka. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Haj ayat 40 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ

لَهَدَمَتِ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدٌ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَ

إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٥٠﴾

Yang bermaksud : *“Iaitu orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, (mereka diusir semata-mata) kerana mereka berkata, ” Tuhan kami hanya Allah.” Dan sekiranya Allah tidak mendorong setengah manusia menentang keganasan sebahagian yang lain, nescaya runtuhlah tempat pertapaan dan gereja-gereja (Nasrani), rumah-rumah ibadat (orang Yahudi) dan masjid-masjid (orang Islam) yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Dan sesungguhnya Allah pasti menolong agama-Nya (agama Islam). Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Sikap tidak peduli umat Islam terhadap saudaranya di Palestin lebih parah daripada sekadar kegagalan memenuhi tuntutan ukhuwwah. Sebabnya ialah bumi Palestin bukan sekadar satu daripada wilayah umat Islam yang dikuasai oleh musuh, tetapi lebih penting daripada itu, ia adalah tanah suci umat Islam. Mungkin umat Islam

terlupa bahawa kita mempunyai tiga tanah suci. Di samping Makkatul-Mukarramah dan Madinatul-Munawwarah, kita mempunyai tanah suci yang ketiga iaitu Baitul-Maqdis terletaknya Masjidil-Aqsa.

Ia menjadi tempat persinggahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Peristiwa Israk dan Mikraj. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengisytiharkan Baitul-Maqdis mempunyai makna yang cukup besar bagi dirinya dan bagi umat Islam. Di samping Masjidil Aqsa itu sendiri mempunyai pelbagai kelebihan berdasarkan hadis-hadis yang berkaitan. Solat di Masjidil-Aqsa juga menjanjikan pahala sehingga 500 kali ganda berbanding bersolat di tempat yang lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita ingin mengingatkan seluruh umat Islam, isu yang berkaitan dengan permasalahan bumi Palestin bukan isu politik semata-mata, tetapi ia adalah isu yang berkait langsung dengan akidah umat Islam. Apakah jawapan yang bakal kita berikan nanti di hadapan Allah Subhanahu wa-Ta'ala, apabila umat Islam membiarkan saudara-saudara seagamanya dizalimi, dianiaya, dibiarkan mati kebuluran bahkan dibunuh dengan kejam oleh regim Zionis Yahudi? Sebuah hadis daripada Mu'az bin Jabal bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam menegaskan dengan maksudnya: *"Allah Maha Besar akan memberi kamu kekuatan untuk menawan Asy-Syams (Palestin) selepas kewafatanku. Orang lelaki dan wanita akan bertahan di sana sampai kiamat. Sesiapa dalam kalangan kamu yang memilih salah satu dari pantai-pantai Asy-Syams (termasuk Gaza) atau Baitul-Maqdis adalah mereka itu berada dalam jihad sehingga hari pengadilan"*.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam at-Tabarani:

Yang bermaksud : *" Sekumpulan dalam kalangan umatku akan mempertahankan kebenaran, mereka mengalahkan musuh-musuh mereka dan orang-orang yang menentang mereka tidak dapat mengalahkan mereka dan mereka hanya mendapat sedikit kerosakan sehinggalah datangnya kiamat mereka tetap dalam keadaan demikian. Para sahabat bertanya; "Di manakah mereka wahai Rasulullah?. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: "Di Baitul-Maqdis dan kawasan sekelilingnya"*.

Alangkah ruginya jika kita tidak mengambil pengajaran dan iktibar daripada peristiwa ini dan kemungkinan ia boleh berlaku kepada umat Islam di negara kita ini. Marilah kita bersama-sama menyuburkan keimanan dan keyakinan dengan berterusan berjuang pada jalan Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Ketahuilah apabila kita membantu agama Allah Subhanahu wa-Ta'ala, Allah Subhanahu wa-

Ta'ala akan memberikan kemenangan kepada kita. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah Muhammad ayat 7:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Yang bermaksud : " Wahai orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongnya dan meneguhkan pendirian kamu! "

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.